

28 AUG 2002

Sunway-Prism

KELAB INTEGRASI DITUBUH DI KOLEJ SUNWAY UTK ERATKAN PERPADUAN

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Sempena sambutan Hari Kemerdekaan yang ke-45, Kolej Sunway menubuhkan sebuah kelab integrasi antara kaum untuk mengeratkan lagi perpaduan dan meningkatkan persefahaman di kalangan pelajar pelbagai kaum.

Kelab itu dikenali sebagai Prism (Projecting Racial Intergration in Sunway, Malaysia)

Pengetua kolej dan penasihat Prism, Elizabeth Lee dalam ucapannya berkata kelab itu ditubuhkan ekoran kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini mengenai kurangnya perpaduan dan persefahaman di kalangan pelajar di IPTA dan IPTS.

"Selain mengurangkan jurang antara pelbagai kaum, kelab ini juga akan membolehkan pelajar-pelajar dari pelbagai kaum mengenali budaya, adat resam dan kepercayaan satu sama lain," katanya.

Kelab ini juga diharap akan membuka minda generasi muda kepada sumbangan dan tanggungjawab ke arah keamanan dan keharmonian negara serta menjadi perintis untuk kolej-kolej lain menubuhkan kelab yang serupa.

Majlis hari ini menjadi lebih ceria dengan pelajar-pelajar memakai pakaian pelbagai kaum yang melambangkan 'Rakyat Malaysia Bersatu Padu'.

Sementara itu, Pengasas dan Pengurus Kolej Sunway, Tan Sri Datuk Sri Dr. Jeffrey Cheah berkata kelab itu boleh membantu pelajar dari dalam dan luar negara mengenali budaya dan tradisi berbilang bangsa.

-- BERNAMA

GK TVA ZS NMO